



JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
Galeria PjH, Aras 4-7, Jalan P4W  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8891 9000  
Faks : 03-8891 9300

Ruj. Kami : JPPKK.BIPD.100-1/1/3 (9)  
Tarikh : 16 Mac 2020

**PENGARAH POLITEKNIK MALAYSIA  
PENGARAH KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI DAN KURSUS WORK BASED LEARNING (WBL) PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA & SIJIL KHAS POLITEKNIK DAN PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA, SIJIL & SIJIL KHAS KOLEJ KOMUNITI SUSULAN PERKEMBANGAN SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan garis panduan tersebut untuk tindakan pihak YBrs. Dr/tuan/puan selanjutnya. Adalah dimaklumkan bahawa garis panduan ini dirangka merujuk kepada perkembangan terkini dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan saranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berhubung dengan penularan wabak COVID-19.
3. Sehubungan itu, pihak YBrs. Dr/tuan/puan dimohon untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya berdasarkan garis panduan berkenaan.

Kerjasama daripada pihak YBrs. Dr/tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts. Dr. MOHAMMAD NAIM BIN YAAKUB)  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi

## JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

---

### GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI DAN KURSUS WORK BASED LEARNING (WBL) PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA & SIJIL KHAS POLITEKNIK DAN PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA, SIJIL & SIJIL KHAS KOLEJ KOMUNITI SUSULAN PERKEMBANGAN SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19

Merujuk kepada perkembangan terkini dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hebahan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 13 Mac 2020 berhubung dengan penularan wabak COVID-19, pengendalian pelaksanaan Latihan Industri dan kursus *Work Based Learning* (WBL) pelajar politeknik dan kolej komuniti hendaklah mengikut ketetapan berikut berkuatkuasa mulai **16 Mac 2020 di semua politeknik dan kolej komuniti** (rujuk Lampiran A):

#### 1.0 Pelaksanaan Latihan Industri

Latihan Industri (LI) adalah satu syarat wajib dalam program pengajian di politeknik dan kolej komuniti yang perlu diikuti oleh pelajar. LI merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi yang dipilih untuk menjalankan latihan praktikal sama ada di dalam ataupun di luar negara dalam jangka masa yang ditetapkan iaitu selama 20 minggu bagi program pengajian di politeknik dan 16 minggu bagi program pengajian di kolej komuniti.

Pemantauan LI akan dilaksanakan sekurang-kurangnya **SATU (1)** kali sepanjang tempoh LI bagi mengukur pencapaian hasil pembelajaran pelajar di organisasi latihan. Pemantauan sebaik-baiknya dilaksanakan secara fizikal iaitu pertemuan bersemuka pensyarah pemantau dan pelajar di industri. Oleh itu, institusi harus memastikan:

##### 1.1 Pelaksanaan Sesi Dis 2019

Dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 ini, pemantauan LI terhadap pelajar perlu dilaksanakan secara dalam talian atau sebarang kaedah yang bersesuaian dalam memenuhi keperluan proses pemantauan LI. Ini turut termasuk komponen penilaian **Pembentangan** dan penghantaran **Laporan Akhir LI** yang juga dilaksanakan secara dalam talian mengikut kaedah yang bersesuaian (rumusan pelaksanaan komponen penilaian LI bagi program pengajian politeknik dan kolej komuniti yang berkaitan adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2).

**(a) Kes Pelajar Dikuarantin**

- (i). Bagi kes pelajar yang perlu dikuarantinkan dalam tempoh tertentu atas faktor kesihatan yang berkaitan dengan COVID-19, pelajar berkenaan tidak perlu melanjutkan tempoh latihan mereka dengan syarat kehadiran pelajar memenuhi jumlah peratus kehadiran sekurang-kurangnya 80% pada akhir tempoh latihan yang ditetapkan (rujuk takwim LI) serta tiada isu berbangkit daripada industri.
- (ii). Sekiranya terdapat industri yang masih memerlukan pelajar menamatkan tempoh latihan yang ditetapkan (20 minggu atau 16 minggu), pihak industri boleh menghantar surat permohonan kebenaran untuk pelajar melanjutkan tempoh latihan kepada pihak institusi. Dalam keadaan ini, pihak institusi boleh menggunakan budi bicara masing-masing dalam membuat ketetapan.

**(b) Kes Terpencil**

- (i). Bagi kes terpencil lain, yang melibatkan pelajar dan industri dalam pelaksanaan LI, pihak institusi boleh menggunakan budi bicara masing-masing dalam membuat ketetapan.

## **1.2 Pelaksanaan Sesi Jun 2020**

Pelaksanaan LI bagi sesi Jun 2020 akan bermula pada 29hb Jun 2020 hingga 15hb November 2020 bagi program pengajian politeknik dan 29hb Jun 2020 hingga 18hb Okt 2020 bagi program pengajian kolej komuniti.

Taklimat Persediaan LI kepada kohot pelajar yang akan menjalani LI pada sesi Jun 2020 yang lazimnya dilaksanakan pada minggu akhir PdP sesi Dis 2019 oleh pihak institusi perlu mengambil kira situasi semasa ini dengan mengambil berat langkah-langkah penjagaan kesihatan, kebersihan dan keselamatan. Oleh itu, institusi harus memastikan:

- (a) Penyampaian taklimat perlu dibuat secara dalam talian mengikut kaedah yang bersesuaian.
- (b) Sekiranya wabak COVID-19 ini masih berterusan, pelaksanaan pemantauan LI bagi kohot pelajar yang akan menjalani LI pada sesi Jun 2020 perlu dilaksanakan secara dalam talian atau sebarang kaedah yang bersesuaian. Ini turut termasuk komponen penilaian **Pembentangan** dan penyerahan **Laporan Akhir LI** yang juga dilaksanakan secara dalam talian mengikut kaedah yang bersesuaian

**Jadual 1:** Rumusan Pelaksanaan Komponen Penilaian LI  
Program Pengajian Politeknik (Diploma dan Sijil Khas)

Komponen Penilaian	Kaedah
Pemantauan LI	Dalam talian
Pembentangan	Dalam talian
Laporan Akhir LI	Serahan secara dalam talian

**Jadual 2:** Rumusan Pelaksanaan Komponen Penilaian LI  
Program Pengajian Kolej Komuniti (Diploma, Sijil dan Sijil Khas)

Komponen Penilaian	Kaedah
Pemantauan LI termasuk pembentangan	Dalam talian
Laporan Akhir LI <i>* tidak berkaitan untuk program Sijil Khas</i>	Serahan secara dalam talian

## 2.0 Kursus WBL

*Work Based Learning (WBL)* merupakan satu pendekatan pembelajaran berstruktur yang direka bentuk dalam kurikulum program pengajian tertentu bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengalaman kerja sebenar melalui aktiviti *imersif* dan signifikan yang dibimbing oleh pengamal industri di industri terpilih dengan tempoh tertentu. Ianya terdiri daripada beberapa kursus teras disiplin yang mempunyai hasil pembelajaran yang jelas dan penilaian dilakukan bersama oleh institusi dan pihak industri berdasarkan kepada keperluan kurikulum program pengajian.

Pemantauan latihan WBL pelajar oleh pensyarah pemantau di industri harus dilaksanakan sekurang-kurangnya **TIGA (3)** kali dalam satu semester WBL sama ada secara fizikal atau sebarang kaedah yang bersesuaian. Oleh itu, institusi harus memastikan:

### (a) Sesi Dis 2019

- (i). Dengan mengambil kira situasi semasa, pelaksanaan pemantauan latihan WBL oleh pensyarah pemantau perlu dijalankan secara dalam talian atau sebarang kaedah yang bersesuaian dalam memenuhi keperluan proses pemantauan WBL bagi kursus-kursus WBL yang dijalankan di industri. Manakala, pelaksanaan PdP di industri adalah tertakluk kepada industri WBL pelajar.

- (ii). Pihak institusi juga diingatkan untuk menasihatkan pelajar agar mematuhi segala arahan dan peraturan industri dari semasa ke semasa.
- (iii). Bagi kes-kes terpencil yang melibatkan pelajar dan industri dalam pelaksanaan WBL, pihak institusi boleh menggunakan budi bicara masing-masing dalam membuat ketetapan.

**(b) Sesi Jun 2020**

- (i). Bagi tujuan taklimat persediaan WBL bagi kohot pelajar yang akan menjalani latihan WBL pada sesi Jun 2020 akan datang, penyampaian taklimat perlu dibuat secara dalam talian mengikut kaedah yang bersesuaian.

JPPKK ingin ingatkan bahawa penjagaan kesihatan diri yang baik perlu diamalkan oleh semua pihak pada setiap masa dan mematuhi sepenuhnya *Standard Operating Procedure (SOP)* pengawalan penularan jangkitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh KKM. Sekiranya mengalami gejala jangkitan, diminta untuk menghubungi Pejabat Kesihatan yang berhampiran atau Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan. Perkembangan terkini jangkitan COVID-19 boleh diperolehi melalui laman web rasmi KKM.

\* **NOTA PENTING:**

Jawatankuasa Petugas COVID-19 JPPKK telah diwujudkan dan akan diselaraskan maklumat penuh tentang COVID-19 di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Sebarang pertanyaan, boleh di kemukakan kepada:

Dr. Siti Noridah Bt Ali  
Pn. Noorazwa Ayuni Binti Mat Noor  
En. Annas Bin Alamshah  
Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital  
No Tel: 03-88891230

Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
16 Mac 2020

**Lampiran A****RINGKASAN KALENDAR AKADEMIK****Program Pengajian Diploma, Pra Diploma Dan Sijil Khas Politeknik  
(Sesi Dis 2019)**

Tarikh	Aktiviti	Catatan
16 Mac 2020 – 29 Mac 2020	Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	BIPD
16 Mac 2020 – 10 Apr 2020	Pemantauan LI dan WBL	BIPD
06 April – 05 Jun 2020	Pemantauan LI ( <i>kumpulan pelajar penilaian khas</i> )	
27 Apr 2020 – 10 Mei 2020	Penilaian LI	BPN/BIPD
22 Jun 2020 – 03 Julai 2020	Penilaian LI ( <i>kumpulan pelajar penilaian khas</i> )	
30 Mac 2020 – 05 Apr 2020	Minggu Ulang Kaji	-
06 Apr 2020 – 26 Apr 2020	Peperiksaan Akhir Semester	BPN

**Program Pengajian Diploma, Sijil dan Sijil Khas Kolej Komuniti (Sesi Dis 2019)**

Tarikh	Aktiviti	Catatan
16 Mac 2020 – 29 Mac 2020	Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	BIPD
16 Mac 2020 – 29 Mac 2020	Pemantauan LI	BIPD
29 Mac 2020 – 11 Apr 2020	Pentaksiran	BPN